

**Pelan  
Hala Tuju  
Modal Teroka  
Malaysia**  
2024-2030



# Malaysia: Masa Hadapan Modal Teroka



PELAN HALA TUJU MODAL TEROKA MALAYSIA 2024–2030

HAK CIPTA

© 2024 Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI)  
www.mosti.gov.my

@officialmosti mosti

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam apa-apa sistem dapatan semula atau disiarkan dalam apa-apa bentuk atau melalui apa-apa cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

PENAFIAN

Buku ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang subjek dan bukanlah penulisan yang lengkap. Ia tidak bertujuan untuk menjadi pengganti kepada nasihat undang-undang mahupun mengurangkan sebarang kewajipan (sama ada yang berkanun atau sebaliknya) yang mungkin terpakai kepada mana-mana individu di bawah undang-undang yang sedia ada.

ISI KANDUNGAN

|                                                                                                                                                                                                                  |                       |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|
| <b>KATA PENGANTAR</b><br>YB Tuan Chang Lih Kang<br>Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)                                                                                                                  | <b>4</b>              |
| <b>KATA PENGANTAR</b><br>YBhg. Dato Ts. Dr. Hj. Aminuddin Bin Hassim<br>Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)                                                                       | <b>5</b>              |
| <b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>                                                                                                                                                                                       | <b>6</b>              |
| <b>BAHAGIAN 1: PENGENALAN</b><br>Mentakrifkan Fokus Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia (Malaysia Venture Capital Roadmap – MVCR)                                                                              | <b>8</b>              |
| <b>BAHAGIAN 2: KAJIAN KES UNTUK PERUBAHAN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Landskap Modal Teroka Malaysia</li><li>• Cabaran Dihadapi Ekosistem Modal Teroka Malaysia</li></ul>                        | <b>12</b><br>13<br>18 |
| <b>BAHAGIAN 3: PELAN HALA TUJU MODAL TEROKA MALAYSIA (MVCR) 2024–2030</b>                                                                                                                                        | <b>20</b>             |
| Visi & Misi                                                                                                                                                                                                      | 22                    |
| Strategi Teras dan Intervensi <ul style="list-style-type: none"><li>• Memudah Cara Urusan Perniagaan</li><li>• Meningkatkan Akses Pembiayaan</li><li>• Meningkatkan Aliran Bakat Modal Teroka Malaysia</li></ul> | 26<br>28<br>36<br>41  |
| Gambaran Keseluruhan Intervensi dan Fasa Pelaksanaan                                                                                                                                                             | 46                    |
| <b>BAHAGIAN 4: STRATEGI PELAKSANAAN</b><br>Pengupaya Utama untuk Kejayaan Pelaksanaan Intervensi                                                                                                                 | <b>48</b><br>49       |
| <b>BAHAGIAN 5: STRUKTUR TADBIR URUS</b>                                                                                                                                                                          | <b>54</b>             |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                                                                                                                                                                               | <b>57</b>             |
| <b>BIBLIOGRAFI</b>                                                                                                                                                                                               | <b>58</b>             |
| <b>AKRONIM &amp; SINGKATAN</b>                                                                                                                                                                                   | <b>59</b>             |
| <b>GLOSARI TERMA</b>                                                                                                                                                                                             | <b>60</b>             |

# KATA PENGANTAR

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)



Dengan semangat yang tinggi, saya bentangkan Laporan Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia (Malaysia Venture Capital Roadmap - MVCR), dokumen penting yang melakarkan hala tuju ekosistem modal teroka Malaysia untuk tahun-tahun yang akan datang. Laporan ini, ditulis dengan teliti berdasarkan pandangan dan sumbangan daripada pemimpin industri dan pakar, berdiri sebagai bukti komitmen negara untuk memupuk dan mengembangkan ekonomi yang dipacu inovasi.

Kementerian ini menyedari tentang peranan penting yang dimainkan oleh modal teroka dalam ekosistem kemajuan teknologi dan keusahawanan. Dinamik dan daya tahan persekitaran syarikat pemula kita amat bergantung kepada peruntukan strategik dan pengurusan modal teroka yang cekap. Oleh itu, MVCR ini bukan sahaja wujud sebagai sebuah panduan tetapi juga sebagai pelan tindakan berwawasan untuk memacu Malaysia ke hadapan dalam landskap inovasi global.

Dalam merangka MVCR ini, kami melalui proses yang teliti; merangkumi tiga fasa intensif dan bengkel kolaborasi ciptaan bersama. Fasa-fasa ini direka dengan cermat bagi menyelaraskan hala tuju strategik kami dengan agenda nasional yang penting, termasuk inisiatif terkini seperti Ekonomi Madani, Ekonomi Digital dan Revolusi Industri Keempat (MED4IRN), Dasar Keusahawanan Nasional (NEP) 2030, dan Pelan Hala Tuju Ekosistem Syarikat Pemula Malaysia (SUPER) 2021-2030.

Laporan ini juga menekankan dedikasi kami untuk memupuk ekosistem modal teroka yang lebih terangkum dan pelbagai. Kami percaya kepada kuasa pelbagai perspektif dan idea, dan strategi kami adalah penting untuk mencerminkan kepercayaan ini. Dengan memupuk pelbagai bakat dan idea, kami dapat memastikan pasaran yang lebih dinamik dan berdaya saing. Bersama-sama kita merintis laluan untuk masa depan yang lebih cerah dan lebih inovatif untuk Malaysia.

**YB CHANG LIH KANG**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

# KATA PENGANTAR

Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)



Dalam landskap teknologi dan inovasi yang sentiasa berevolusi, modal teroka adalah sebagai batu asas, penting untuk menyuburkan dan membangunkan penemuan idea dan perusahaan baharu. Dengan bangganya, saya ingin memperkenalkan MVCR, sebuah dokumen komprehensif yang mengandungi inisiatif strategik oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk mendorong sebuah ekosistem modal teroka yang teguh dan berkembang maju di Malaysia.

MVCR merupakan hasil daripada penyelidikan menyeluruh, analisis mendalam, dan perundingan meluas dengan pelbagai pemegang berkepentingan industri. Ia bertujuan untuk merancang satu arah yang jelas dan pragmatik bagi modal teroka di Malaysia, menangani cabaran semasa dan memanfaatkan peluang yang muncul dalam ekonomi inovasi global. Visinya selaras dengan matlamat Kementerian ini untuk menjadikan Malaysia sebagai hab inovasi teknologi dan keusahawanan yang dinamik. Visi dan matlamat MVCR dipastikan selaras dengan dasar utama kebangsaan untuk memacu pertumbuhan ekosistem modal teroka dengan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan dalam persekitaran pelaburan domestik, mandat kawal selia, inovasi, dan kemampuan pembangunan bakat. Saya ingin menyatakan rasa terima kasih kepada semua yang telah menyumbangkan masa, kepakaran, dan pandangan mereka kepada pembangunan laporan penting ini untuk Malaysia.

MVCR menggariskan keutamaan strategik dan tindakan yang penting untuk pembangunan persekitaran modal teroka yang sihat di Malaysia. Ia menekankan kepentingan mencipta sinergi antara dasar kerajaan, inisiatif sektor swasta, dan keperluan unik syarikat pemula serta inovator. Melalui usaha bersama yang terkoordinasi ini, kami menyasarkan untuk merangsang pertumbuhan, menarik pelaburan antarabangsa, dan meningkatkan daya saing perusahaan Malaysia di pentas global. Bersama, marilah kita bekerja ke arah merealisasikan janji masa hadapan Malaysia yang lebih inovatif, makmur, dan lestari.

**YBHG. DATO' TS. DR. HJ. AMINUDDIN BIN HASSIM**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

# Ringkasan Eksekutif


Malaysia berada pada saat yang penting dalam evolusi ekonominya, dengan sektor modal teroka bersedia untuk memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan negara. Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia (MVCR) 2024-2030 meletakkan Malaysia sebagai hab modal teroka yang berkembang pesat di Asia Tenggara, dengan visi menjadikannya sebagai destinasi pilihan modal teroka di rantau ini.

Pelan Hala Tuju ini bertujuan untuk memperkasakan ekosistem modal teroka melalui tiga strategi teras. Laporan ini membentangkan analisis terperinci dan pendekatan strategik untuk memangkin pertumbuhan dan keberkesanan modal teroka di negara ini.

Bahagian dalam laporan MVCR ini secara kolektif menggariskan pendekatan strategik untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam sektor modal teroka menjelang 2030, dengan menekankan pertumbuhan ekonomi yang dipacu inovasi.



## Tonggak Strategik dan Intervensi untuk Impak dalam Ekosistem Modal Teroka Malaysia



## BAHAGIAN 1:

# Pengenalan


Menelusuri landskap ekonomi Malaysia yang dinamik dan pelbagai, perjalanan dari permulaan pembiayaan hingga ke puncak kejayaan modal teroka adalah sama-sama mengujakan dan mencabar. Malaysia, yang memiliki reputasi dalam tenaga keusahawanan dan kebolehan inovasi, memegang potensi dan peluang untuk syarikat pemula, terutamanya pada tahap lonjakan penting daripada pembiayaan Siri A kepada liga pertumbuhan perniagaan yang lebih besar.

Melihat kepada ekosistem VC di Malaysia, ia bagaikan sebuah hamparan hijau yang besar. Setiap pemegang berkepentingan dalam ekosistem ini mencerminkan pertumbuhan dan denyut nadi VC di Malaysia. Sama ada sebagai pelabur, usahawan, pihak kawal selia atau penyokong, setiap daripada kita menyumbang kepada keseimbangan yang bijaksana dan interaksi kompleks dalam ekosistem VC di Malaysia.

## Sekilas Pandang: Gambaran Keseluruhan Ekosistem Pembiayaan Syarikat Pemula di Malaysia

Sistem pembiayaan pelbagai saluran telah tersedia di Malaysia, berpusat di sekitar modal teroka (VC), memacu dana daripada pelabur kepada syarikat pemula, merentasi kitaran hayat pembiayaan. VC merujuk kepada bentuk ekuiti persendirian dan jenis pembiayaan yang diberikan oleh pelabur kepada syarikat pemula dan perniagaan kecil yang dipercayai mempunyai potensi pertumbuhan jangka panjang. VC adalah penting kepada ekosistem syarikat pemula kerana ia tidak hanya menyediakan sumber kewangan yang diperlukan untuk syarikat pemula berkembang dan berjaya tetapi juga sokongan strategik, bimbingan daripada mentor, dan akses rangkaian yang kritikal semasa peringkat awal pembangunan syarikat.

**Rajah 1.1: Gambaran Keseluruhan Ekosistem Pembiayaan untuk Syarikat Pemula di Malaysia**



Ekosistem syarikat pemula Malaysia disokong oleh rangka kerja pembiayaan yang pelbagai dan berbilang dimensi, sesuatu yang menjadi teras kepada pelbagai pilihan modal teroka. Persekitaran sokongan kewangan yang kaya ini direka untuk memacu syarikat pemula melalui pelbagai peringkat kitaran hayat pertumbuhan mereka.

Modal teroka lazimnya terlibat dalam pembiayaan daripada Siri A dan seterusnya, mewakili fasa penting dalam pertumbuhan syarikat pemula apabila sokongan kewangan strategik adalah mustahak. Bahagian MVCR ini menyelidik perkembangan

peringkat pembiayaan, menggariskan peranan pelbagai pelabur, daripada pelabur budiman sehinggalah kepada Pemodal Teroka berskala besar.

Walaupun diakui bahawa modal awal adalah penting, namun tumpuan teliti turut diberikan kepada Siri A dan seterusnya, apabila skalabiliti dan inovasi usaha niaga diuji dan dipupuk dengan rapi. Menerusi Pelan Hala Tuju ini, kami menyasarkan untuk menyediakan panduan yang komprehensif untuk memandu landskap pembiayaan teroka, daripada pertumbuhan awal kepada strategi keluar yang berpotensi.

Rajah 1.2: Peringkat Pembiayaan Syarikat Pemula daripada Siri A dan Seterusnya

| Segmen sasaran MVCR merangkumi VC yang menawarkan pembiayaan daripada Siri A & seterusnya |                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                           | Peringkat Benih                                                                                                                                | Peringkat Awal                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                            | Peringkat Pertumbuhan                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                      |
|                                                                                           |                                                                                                                                                | Siri A                                                                                                                                                                                 | Siri B                                                                                                                                     | Siri C                                                                                                                                                                                  | Peringkat Keluar                                                                                                                                     |
| Jumlah Pembiayaan Global (USD)                                                            | 150 k to 1.5 juta                                                                                                                              | 1 juta hingga 15 juta                                                                                                                                                                  | 5 juta hingga 35 juta                                                                                                                      | >20 juta                                                                                                                                                                                | Tidak berkenaan                                                                                                                                      |
| Jumlah Pembiayaan Tempatan(USD)                                                           | 250 k to 500 k                                                                                                                                 | >1 juta                                                                                                                                                                                | >5 juta                                                                                                                                    | >10 juta                                                                                                                                                                                | Tidak berkenaan                                                                                                                                      |
| Peserta                                                                                   | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelabur budiman</li><li>• Pemecut</li><li>• Keluarga &amp; Rakan-rakan</li></ul>                       | <ul style="list-style-type: none"><li>• VC</li><li>• Pendanaan awam</li><li>• Pelabur budiman super</li></ul>                                                                          | <ul style="list-style-type: none"><li>• VC berskala besar yang memfokuskan peringkat seterusnya</li></ul>                                  | <ul style="list-style-type: none"><li>• VC berskala besar yang memfokuskan peringkat seterusnya</li><li>• Ekuiti swasta</li><li>• Dana lindung nilai</li><li>• Bank pelaburan</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Orang awam</li></ul>                                                                                         |
| Tujuan Pembiayaan                                                                         | <ul style="list-style-type: none"><li>• Membangunkan produk &amp; penyesuaian pasaran</li><li>• Mengupah ahli pasukan peringkat awal</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Melaksanakan strategi perniagaan untuk menjana pendapatan dan keuntungan jangka panjang</li><li>• Proses jualan dan pemasaran baharu</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengembangan ke segmen pasaran yang berbeza</li><li>• Mengembangkan perniagaan sedia ada</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Membangunkan produk baharu</li><li>• Perluasan ke pasaran antarabangsa</li><li>• Memperoleh syarikat baru</li></ul>                             | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelan keluar untuk pelabur sedia ada</li><li>• Meneruskan operasi perniagaan sebagai syarikat awam</li></ul> |



## BAHAGIAN 2:

# Kajian Kes untuk Perubahan

## Persaingan Global menerusi Inovasi Tempatan

MVCR ialah cita-cita realistik yang bertujuan untuk memanfaatkan pertumbuhan dalam sektor utama dengan mengatasi cabaran sedia ada. Analisis kami menyepadukan pandangan tempatan dengan penanda aras global untuk mengenal pasti peluang pembangunan yang ketara.

1. **Lanskap Modal Teroka Malaysia** mengetengahkan perbandingan dengan VC gergasi yang mapan seperti Singapura dan Korea Selatan, memperlihatkan pertumbuhan, cabaran, peranan kerajaan, dan pentingnya pengembangan aliran bakat VC Malaysia.
2. **Cabaran Semasa dalam Ekosistem VC** menjelaskan cabaran utama yang memerlukan perhatian dan dapatan utama untuk ekosistem tersebut.

Bahagian paling penting dalam aspirasi modal teroka Malaysia ini adalah tumpuan yang tinggi terhadap kepelbagaian, kesaksamaan, dan keterangkuman (DEI) dengan:



### Menyerlahkan potensi usahawan wanita.

Menurut laporan oleh Persatuan Modal Teroka & Ekuiti Persendirian Malaysia pada tahun 2020, hanya 14% daripada pembuat keputusan dalam firma modal teroka Malaysia adalah wanita dan syarikat pemula yang dipimpin oleh wanita di Malaysia hanya memperoleh 1% daripada keseluruhan pembiayaan modal teroka. Secara global, hanya terdapat 4.9% rakan kongsi VC wanita, dengan hanya 2% daripada pembiayaan modal teroka diberikan kepada syarikat pemula yang diasaskan oleh wanita.



### Mencipta impak lanjutan kepada komuniti Bumiputera dan minoriti.

Bumiputera, yang merangkumi kira-kira 63.9% daripada 33.4 juta penduduk Malaysia pada tahun 2023, memberikan kesan yang ketara terhadap ekonomi negara. Dengan dorongan untuk 30% Bumiputera ke arah pemilikan ekuiti dan saham korporat, terdapat potensi yang besar untuk pelaburan dalam syarikat pemula, khususnya yang dimiliki oleh Bumiputera dan minoriti. Pelaburan seumpamanya adalah kunci untuk mendorong penciptaan kekayaan dalam komuniti ini, apabila terdapat insiden kemiskinan sebanyak 7.9% pada tahun 2022.



### Menerima suara dan bakat yang pelbagai.

## BAHAGIAN 2.1

# Landskap Modal Teroka Malaysia

Pemahaman yang mendalam tentang keupayaan kita, serta pengetahuan tentang pasaran bersebelahan menjadi kunci untuk mengenal pasti kawasan pertumbuhan strategik di Malaysia. Laporan ini mempelawa anda untuk melihat ekosistem modal teroka (VC) Malaysia melalui perspektif global.


Dalam perjalanan introspektif kami ke dalam ekosistem VC, yang menonjolkan kedua-dua cabaran unik dan peluang yang dihadapi, kami menekankan pelajaran yang dipelajari daripada negara jiran.

Eksplorasi ini merupakan usaha kolaboratif yang melibatkan pelabur, usahawan, pihak kawal selia dan penyokong dalam membentuk landskap VC Malaysia. Ia bukan sekadar sebuah perjalanan tentang pertumbuhan kewangan, tetapi juga tentang pembelajaran kolektif dan adaptasi, yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan VC Malaysia di peringkat global. Bersama-sama, kita berusaha untuk mewujudkan persekitaran VC yang dinamik dan berdaya tahan, memanfaatkan aneka ragam pengalaman dan cerapan untuk memajukan ekosistem kita.

Walaupun agak baru, industri VC Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang ketara, dengan jumlah pembiayaan meningkat pada CAGR sebanyak 44% dari 2018 hingga 2022.

Industri modal teroka (VC) Malaysia, meskipun masih baharu, telah menyaksikan peningkatan yang ketara, mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul 44% dalam jumlah pembiayaan dari 2018 hingga 2022. Pertumbuhan ini menggariskan peningkatan trajektori sektor VC Malaysia dalam landskap Asia Tenggara, menunjukkan peningkatan dalam jumlah urus niaga dan kadar penembusan pembiayaan teroka. Momentum sebegini adalah petanda sebuah ekosistem sedang berkembang matang dengan peluang untuk syarikat pemula yang berpotensi meningkatkan skala dan pelabur yang arif. Data ini turut menunjukkan isyarat jelas bahawa kedudukan Malaysia yang semakin kukuh dalam pasaran modal teroka serantau.


Rajah 2.1: Keseluruhan Nilai Pembiayaan, Kiraan Tawaran dan Kadar Penembusan Teroka Negara Asia Tenggara 2018 hingga 2022 (juta USD, # dan %)



Walaupun mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, industri VC Malaysia masih jauh di belakang ekosistem VC yang matang seperti Singapura dan Korea Selatan.

Walaupun industri modal teroka Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang kukuh, ia masih di tahap mengejar kedudukan ekosistem VC yang lebih matang daripada rakan serantaunya, seperti Singapura dan Korea Selatan. Analisis perbandingan melaporkan peningkatan keseluruhan nilai pembiayaan dan kiraan tawaran Malaysia, namun turut memperlihatkan kadar penembusan teroka yang berada di belakang pasaran maju ini. Data dari 2018 hingga 2022 mempamerkan bukan sahaja langkah yang telah diambil oleh Malaysia dalam memupuk landskap VC nya tetapi juga potensi untuk pembangunan selanjutnya bagi mencapai tahap hab VC yang terkemuka. Konteks ini menetapkan peringkat untuk inisiatif strategik bagi memperkukuh sektor VC Malaysia dan merapatkan jurang dengan ekosistem global terkemuka.


Rajah 2.2: Keseluruhan Nilai Pembiayaan, Kiraan Tawaran dan Kadar Penembusan Teroka Negara Maju 2018 hingga 2022 (juta USD, # dan %)



**Kebergantungan kepada pembiayaan kerajaan untuk dana VC juga telah meningkat dari tahun ke tahun, berbeza dengan negara penanda aras yang lain.**

Evolusi landskap VC Malaysia telah berkembang dengan peningkatan ketara dalam penglibatan kerajaan, dengan sumbangannya kepada jumlah pembiayaan VC meningkat tiga kali ganda sejak 2018. Trend ke arah kebergantungan yang tinggi kepada sokongan kerajaan ini juga berbeza dengan negara penanda aras lain.

**Rajah 2.3: Keseluruhan Nilai Pembiayaan mengikut Pecahan Awam dan Swasta 2018 hingga 2022 (USD juta # dan %)**



**Pandangan Utama**

**Kebergantungan Malaysia kepada pembiayaan kerajaan mengikut perkadaran telah meningkat hampir tiga kali ganda dan sebanyak nilai c.12x sejak 2018.**

- Selama bertahun-tahun, kerajaan telah mengutamakan pembiayaan peringkat akhir, dengan peningkatan dalam bahagian pelaburan sebanyak nilai c.4x dari 2018 hingga 2022.

Namun begitu, nilai pembiayaan sektor swasta di Malaysia telah meningkat, dengan CAGR sebanyak 35.8% dari 2018 hingga 2022, sebahagiannya didorong oleh pengenalan Skim Padanan Dana Kerajaan (contoh: Dana Penjana Nasional) yang telah berjaya menarik pembiayaan swasta ke dalam ekosistem VC Malaysia.

**...bagi membolehkan industri VC Malaysia terus tumbuh, terdapat keperluan kritikal untuk melabur dalam pembangunan aliran bakat VC Malaysia.**

Pada masa yang sama, sektor swasta juga telah menggandakan penglibatannya, seperti yang dibuktikan melalui Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (CAGR) sebanyak 35.8% dari 2018 sehingga 2022. Sebahagiannya telah disumbangkan menerusi kejayaan pelaksanaan program Dana Penjana Nasional, yang telah memainkan peranan penting untuk menarik pelaburan swasta dan mempelbagaikan asas pembiayaan untuk sektor VC Malaysia.

Bilangan terkini VC profesional di Malaysia masih sedikit berbanding ekosistem yang matang seperti Singapura dan Korea Selatan. Dengan inisiatif pembangunan keupayaan yang masih di peringkat awal, Malaysia mesti mengutamakan pembangunan bakat VC. Ini termasuklah memperluas program pendidikan, meningkatkan latihan sambil bekerja, dan menggalakkan penubuhan perkhidmatan sokongan yang penting kepada ekosistem VC yang sedang berkembang maju.

**Rajah 2.4: Anggaran Bilangan VC profesional, dan Bilangan VC di Negara-Negara Asia Tenggara**

|                | Anggaran jumlah VC profesional (#) | Jumlah VC (#) |
|----------------|------------------------------------|---------------|
| Malaysia       | c.300                              | c.100         |
| Singapura      | c.2,100                            | c.800         |
| Indonesia      | c.380                              | c.130         |
| Vietnam        | c.260                              | c.120         |
| Filipina       | c.140                              | c.50          |
| Taiwan         | c.280                              | c.160         |
| Korea Selatan  | c.2,100                            | c.700         |
| United Kingdom | c.6,200                            | c.1,700       |

PETUNJUK: Negara Asia Tenggara

BAHAGIAN 2.2

# Cabaran Dihadapi Ekosistem VC Malaysia

Menangani cabaran ini bukan sahaja penting untuk mengurangkan kebimbangan segera tetapi juga untuk meletakkan asas yang kukuh untuk landskap modal teroka Malaysia yang kalis masa hadapan. Bahagian ini menggariskan cabaran utama dalam ekosistem VC, berpaksikan tiga tonggak strategik: **Pembiayaan, Pembaharuan Kawal Selia dan Pembangunan Keupayaan**. Tonggak ini meliputi pelbagai penemuan utama, daripada peruntukan pembiayaan dan halangan kawal selia kepada pembangunan tenaga kerja VC yang mahir.

Setiap langkah ke hadapan dalam menangani cabaran ini bukan sahaja memberikan impak kepada kejayaan kewangan tetapi juga menyerlahkan keperluan untuk pembelajaran yang berterusan, fleksibiliti dan kemajuan kolaboratif dalam landskap ekonomi Malaysia yang dinamik.

## Rajah 2.5: Cabaran Utama dalam Ekosistem Modal Teroka Malaysia

Cabaran utama dalam ekosistem VC Malaysia boleh dikategorikan kepada 3 tonggak strategik:



Menangani beberapa cabaran kritikal yang dihadapi oleh ekosistem VC Malaysia akan menjadi kunci dalam meletakkan Malaysia sebagai hab VC serantau - yang akan menyokong wawasan negara untuk menjadi antara 20 Teratas Ekosistem Syarikat Pemula Global menjelang 2030.

### BAHAGIAN 3

# Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia 2024-2030

Bayangan Malaysia pada tahun 2030, muncul sebagai rantau modal teroka pilihan di Asia Tenggara. Pelan hala tuju ini meletakkan trajektori yang berani, tetapi tidak mustahil untuk dikecapi.

Dokumen ini bukan sekadar garis panduan semata-mata – ia merupakan komitmen kepada perjalanan transformatif dalam ekosistem modal teroka global di Malaysia, melakarkan laluan yang jelas, strategik, dan mempunyai visi untuk melonjak ke hadapan.

# Visi dan Misi MVCR

Dalam bahagian ini, kami menetapkan rancangan besar dan nilai teras yang boleh menyemarakkan industri modal teroka (VC) Malaysia.

Kami membayangkan Malaysia sebagai hab VC pilihan, dan prinsip panduan ini bukan sekadar kata-kata; ia ibarat kompas yang menjadi pembimbing tatkala mengharungi landskap VC. MVCR mengiktiraf sifat dinamik sektor modal teroka dan meletakkan Malaysia untuk menyesuaikan diri dan berkembang maju di tengah-tengah anjakan ekonomi global dan kepesatan teknologi. Penyelarasan strategi pelan hala tuju ini dengan wawasan ekonomi Malaysia yang lebih meluas bukan sahaja menjanjikan lonjakan industri modal teroka tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan landskap inovasi negara secara menyeluruh.

Rajah 3.1: Bagaimanakah Keadaan Ekosistem VC Malaysia pada Tahun 2030?

## Malaysia: Sebuah Hab Modal Teroka Pilihan Serantau

### Inisiatif Pembiayaan Awam dan Swasta yang Kohesif

Sumber kerajaan akan digunakan dengan cekap untuk memacu peningkatan dalam pembiayaan sektor swasta, secara komersil dan mampan.

### Bakat

Saluran pengurus dana berkemahiran tinggi domestik dan antarabangsa yang semakin meningkat.

### Persekitaran Pasaran yang Teguh

Ekosistem VC serantau yang berhubung, disokong oleh VC swasta dan korporat, untuk menyokong penciptaan ekosistem syarikat pemula yang rancak.

### Dasar dan Peraturan

Dasar mesra ekosistem dan pelaburan VC, bagi memudahkan pemain asing untuk menubuhkan, beroperasi dan melabur dalam syarikat pemula tempatan.

## VISI

# Malaysia: Sebuah Hab Modal Teroka Pilihan Serantau menjelang 2030

## MISI

- 01 Membuka kunci modal untuk inovasi
- 02 Sebuah rangka kerja kawal selia yang menyokong pertumbuhan
- 03 Membina keupayaan untuk mempercepatkan pembangunan ekosistem

## SASARAN

- 01 Usaha penembusan teroka meningkat daripada 0.19% (USD 758 juta) pada 2022 kepada julat antara 0.25% - 0.35% menjelang 2030
- 02 Rangka kerja kawal selia yang menyokong pembiayaan pada fasa yang paling kritikal
- 03 Ketelusan, ketekalan dan kesepaduan rangka kerja kawal selia merentas kitaran hayat pembiayaan
- 04 Pertambahan bilangan modal teroka di Malaysia antara 15%-25%, daripada 116 pada 2022, seiring dengan peningkatan VC profesional (tempatan dan asing)

## PRINSIP PANDUAN

Mengintegrasikan amalan mampan ke dalam aktiviti berkaitan dengan VC, memastikan komitmen kepada pengawasan alam sekitar, tanggungjawab sosial dan ketelusan rangka kerja kawal selia dan tadbir urus.

Peruntukan dana strategik yang disumbangkan oleh agensi kerajaan dan pelabur swasta, dengan fokus kepada sektor utama (cth. sektor strategik, perjanjian dengan elemen ESG).

Penubuhan struktur tadbir urus yang jelas merangkumi pengawasan dasar, pembangunan keseluruhan dan mekanisme pelaksanaan.

Mengalakkan penubuhan ekosistem yang terangkum bagi menarik bakat tempatan dan asing untuk merangsang perspektif yang pelbagai.

Kedudukan Malaysia sebagai hab VC serantau juga sejajar dengan dan menyokong realisasi visi SUPER - untuk menjadi 20 Teratas dalam Ekosistem Syarikat Pemula Global menjelang 2030.

## Rajah 3.2: Penglibatan Pemegang Berkepentingan Secara Kolaboratif dalam Pembangunan Ekosistem VC Malaysia

### Pemegang Berkepentingan:

- 01 **Agensi Kerajaan**  
Memastikan akses kepada sokongan pembiayaan untuk syarikat pemula merentasi pelbagai peringkat pembiayaan dan sektor apabila sokongan disediakan melalui pelaburan langsung menerusi pembiayaan ekuiti atau kaedah Dana untuk Dana.
- 02 **Badan Kawal Selia**  
Mewujudkan rangka kerja undang-undang dan langkah kawal selia untuk mencipta persekitaran kawal selia yang menggalakkan untuk VC, memastikan landskap operasi yang kondusif.
- 03 **Pemain Industri**  
Menggalakkan penyertaan pelabur swasta yang lebih besar, tidak kira tempatan atau asing, untuk meningkatkan pembiayaan dalam ekosistem VC Malaysia.
- 04 **Persatuan Modal Teroka**  
Memupuk persekitaran yang menggalakkan untuk ekosistem VC tempatan dengan memudahkan peluang rangkaian, mempromosikan program khusus industri dan menyokong cadangan dasar baharu.

### Tonggak Strategik:



BAHAGIAN 3.2

# Strategi Teras dan Intervensi

Bersandarkan visi untuk meletakkan Malaysia sebagai Hab Modal Teroka pilihan serantau menjelang tahun 2030, bahagian seterusnya menelusuri strategi teras dan intervensi yang diperlukan untuk merealisasikan visi ini. Peralihan daripada sebuah matlamat yang luas dan beraspirasi ke langkah yang lebih konkrit dan boleh dilaksanakan adalah penting dalam mentransformasikan Malaysia sebagai pusat kegiatan modal teroka (VC) di rantau ini.

Transformasi yang ingin dicapai bergantung kepada tiga tonggak strategik, setiap satu dengan set intervensi yang telah ditetapkan. Ketiga-tiga tonggak ini direka untuk menangani cabaran yang sedia ada, meletakkan rangka kerja sistematik yang akan memperkemas proses perniagaan, meningkatkan akses kepada pembiayaan, dan memupuk lebih ramai kumpulan bakat VC.

Seiring dengan usaha untuk bergerak ke hadapan, bahagian seterusnya akan menganalisis strategi ini, menggariskan perancangan teliti dan usaha bersama yang terlibat dalam mencapai integrasi amalan global terbaik dalam landskap VC tempatan. Ini menunjukkan komitmen Malaysia, yang bukan sekadar mengambil bahagian tetapi juga membentuk masa hadapan VC di rantau ini.



Rajah 3.3: Rangka Kerja Strategik untuk Memajukan Ekosistem VC Malaysia

Untuk menangani pernyataan masalah utama dalam ekosistem VC Malaysia, intervensi akan dikenal pasti berdasarkan 3 strategi teras:

| Strategi Teras                                                                         | PEMBIAYAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | PEMBAHARUAN KAWAL SELIA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | PEMBANGUNAN KEUPAYAAN                                                                                                                                                                                                                           |
|----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <div>1</div> <div></div> <div>Memudah Cara Urusan Perniagaan</div>                     | <div>1e</div> <div>Meningkatkan pilihan keluar VC.</div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <div>1a</div> <div>Melancarkan aliran modal rentas sempadan.</div> <div>1b</div> <div>Platform berpusat untuk VC, yang memudahkan pengurusan, pemantauan dan penyediaan maklumat VC.</div> <div>1c</div> <div>Struktur kawal selia yang kondusif untuk VC; mengharmonikan struktur perundangan dalam/luar pesisir.</div> <div>1d</div> <div>Penyelarasan insentif cukai dalam/luar pesisir.</div> |                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <div>2</div> <div></div> <div>Meningkatkan Akses Pembiayaan</div>                      | <div>2a</div> <div>Peruntukan dana kerajaan yang lebih strategik &amp; cekap.</div> <div>2b</div> <div>Meningkatkan daya tarikan skim padanan Dana untuk Dana (FOF) kerajaan.</div> <div>2c</div> <div>Meningkatkan penyertaan GLIC, GLC dan korporat dalam pelaburan teroka.</div>                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <div>3</div> <div></div> <div>Meningkatkan Aliran Bakat Modal Teroka di Malaysia</div> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <div>3b</div> <div>Memperkasakan skim visa untuk memudahkan tarikan bakat.</div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <div>3a</div> <div>Menyemai pengurus dana baharu, mempromosikan program pendidikan yang berfokus kepada VC dan menyerap bakat baharu ke dalam industri.</div> <div>3c</div> <div>Memudahkan pembangunan dan penubuhan fungsi sokongan VC.</div> |
| <div>Pengupaya Utama</div>                                                             | <div><ul style="list-style-type: none"><li>Platform tetingkap tunggal yang komprehensif dengan maklumat mengenai peraturan, program dan insentif yang berkaitan dengan industri modal teroka dan industri syarikat pemula untuk membolehkan pembangunan platform interaktif modal teroka (penjejakan, aplikasi dan kelulusan).</li><li>Badan yang bertanggungjawab, spt. Majlis Modal Teroka, yang menyediakan pengawasan dan kemudahan untuk industri modal teroka Malaysia.</li></ul></div> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                 |

PETUNJUK: Intervensi kritikal



### Strategi Teras 1

## Memudah Cara Urusan Perniagaan

Menubuhkan sebuah persekitaran yang mesra perniagaan adalah penting untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi modal teroka (VC). Pendekatan ini merupakan teras kepada intervensi yang disasarkan dalam Pelan Hala Tuju ini yang bertujuan untuk meningkatkan kemudahan melakukan perniagaan di negara ini. Dengan menambahbaik keadaan operasi untuk VC dalam dan luar negara, Malaysia dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan menarik lebih banyak operasi VC.

Pelan Hala Tuju ini menggariskan intervensi strategik yang direka untuk mencipta sebuah landskap yang kondusif untuk aktiviti VC. Intervensi ini memberikan tumpuan kepada memupuk sebuah persekitaran yang bukan sahaja menarik kepada VC asing tetapi juga menyokong ekosistem yang dinamik bagi pelabur tempatan dan antarabangsa.

Pelaksanaan berkesan strategi ini dijangka akan membawa kepada peningkatan yang ketara dalam jumlah VC tempatan dan asing di Malaysia. Pertumbuhan kehadiran VC ini secara bersesuaian akan meningkatkan ketersediaan pembiayaan, serta merangsang pembangunan ekosistem VC yang kukuh di negara ini.

### Penyelarasan dengan Sasaran Pelan Hala Tuju:

Ke arah menghasilkan:

**Rangka kerja kawal selia yang jelas, konsisten, dan bersepadu sepanjang kitaran hayat pembiayaan.**

### Penanda Ukur Berpotensi:

- 1 Indeks daya tarikan negara secara keseluruhan melalui pengukuran subindeks:
  - Insentif cukai dan beban pentadbiran
  - Perlindungan pelabur dan tadbir urus korporat
- 2 Bilangan keluaran yang disokong oleh VC dan nilai keluaran
- 3 Bilangan pengurus dana modal teroka tempatan dan asing di Malaysia, termasuk bilangan VC profesional

### Cadangan Intervensi:

- 1a Melancarkan aliran modal rentas sempadan
- 1b Platform berpusat untuk VC, yang memudahkan pengurusan, pemantauan dan penyediaan maklumat VC
- 1c Struktur kawal selia yang kondusif untuk VC; mengharmonikan struktur undang-undang dalam/luar pesisir
- 1d Penyelarasan insentif cukai untuk dalam/luar pesisir
- 1e Meningkatkan pilihan keluar untuk VC

### Intervensi 1a

## Melancarkan Aliran Modal Rentas Sempadan

Objektif intervensi adalah untuk menyelaraskan proses aliran modal rentas sempadan untuk VC yang melabur dalam syarikat pemula dan semasa pengembalian semula dana oleh VC, menjadikan proses tersebut lebih cekap, mudah dan mesra pelabur. Inisiatif ini bertujuan untuk mengukuhkan keyakinan pelabur dan memudahkan aliran modal, yang akhirnya akan menjadi faktor utama dalam menarik dana VC baharu untuk ditubuhkan di Malaysia.

Cadangan intervensi boleh melibatkan:

- **Meningkatkan peruntukan dan ketelusan Maklumat Aliran Modal**  
Memastikan maklumat tersedia secara meluas dan boleh diakses oleh VC, termasuk undang-undang dan peraturan yang relevan, kejelasan mengenai prosedur penyerahan permohonan (cth. dokumentasi yang diperlukan, garis masa), untuk membantu membuat keputusan dan meningkatkan keyakinan pelabur.
- **Menubuhkan Rangka Kerja Dasar Pertukaran Asing (FEP) Khusus VC & Syarikat Pemula**

Membangunkan rangka kerja kelulusan yang berdedikasi di bawah FEP yang disesuaikan dengan operasi untuk industri VC dan syarikat pemula, memastikan kemudahan aliran modal rentas sempadan yang lancar.

- **Memperkenalkan Proses Kelulusan Laluan Pantas untuk VC**

Untuk melengkapkan rangka kerja, proses kelulusan laluan pantas boleh diperkenalkan untuk menyelaraskan dan meningkatkan kecekapan proses permohonan dan kelulusan, mengurangkan halangan aliran modal (cth. melalui permohonan yang dikemukakan lebih awal). Setelah permohonan diluluskan, VC hanya perlu mematuhi dan mengemukakan pemberitahuan kepada BNM untuk transaksi rentas sempadan berikutnya untuk tahun tersebut.

*Nota: Cadangan tertakluk kepada rundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan.*



Platform penjejakan, aplikasi dan kelulusan berpusat boleh disokong melalui platform interaktif VC. Di samping itu, kejelasan maklumat dan proses boleh disediakan melalui platform, dipermudahkan lagi oleh pegawai perhubungan VC.

*\*Rujuk Intervensi 1b untuk maklumat lanjut*

Rajah 3.4: Prosedur yang Diperhalusi untuk Aliran Modal Rentas Sempadan yang Cepak untuk VC di Malaysia

**Malaysia semasa:** Prosedur aliran modal untuk pemindahan dana mata wang asing


Walaupun tiada had untuk pelaburan ekuiti oleh pelabur asing ke dalam VC di Malaysia, pemindahan rentas sempadan dalam keadaan tertentu mungkin memerlukan penyerahan permohonan kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

Permohonan & Kelulusan

VC Swasta                      BNM

Proses ini memerlukan kelulusan bertulis daripada BNM, satu langkah yang mungkin menyebabkan sebarang perjanjian lambat dimuktamadkan. Tempoh proses kelulusan ini berbeza-beza, tertakluk kepada penyerahan dokumentasi yang lengkap.

\* Rujuk Notis 2 FEP mengenai pinjaman dari luar negara dan Notis 3 FEP mengenai pelaburan di luar negara, yang boleh didapati di sini: [Dasar Pertukaran Asing – Bank Negara Malaysia \(bnm.gov.my\)](https://www.bnm.gov.my)



\* Carta di atas adalah ilustrasi proses yang dicadangkan, tertakluk kepada perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan.

Intervensi 1b

Sebuah Platform Berpusat untuk VC, yang Memudahkan Pengurusan, Pemantauan dan Penyediaan Maklumat VC

Objektif intervensi ini adalah untuk membina platform dalam talian berpusat yang menghubungkan pemegang berkepentingan utama yang terlibat dalam penyediaan pembiayaan (cth. VC tempatan dan asing, agensi kawal selia), untuk berinteraksi, berkomunikasi, memudahkan perkongsian maklumat serta melaksanakan penyeliaan secara bersepadu.

Intervensi ini boleh wujud dalam bentuk penubuhan platform interaktif berpusat yang khusus untuk sektor VC. Platform ini direka untuk memudahkan:

Firma VC dan Pelabur (Tempatan & Asing)

Ia bakal menawarkan akses penuh kepada:

- (i) Maklumat terperinci tentang VC, dan
- (ii) Panduan terperinci tentang keseluruhan rangkaian prosedur kawal selia, termasuk pendaftaran VC dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC), pemerbadanan VC dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), proses untuk pendaftaran cukai, permohonan visa, dan dasar pertukaran asing yang disesuaikan dengan industri VC .

Badan Kawal Selia

Platform ini membolehkan:

- (i) Pemantauan proses kelulusan,
- (ii) Kesepaduan data dan maklumat yang berkaitan dengan VC,
- (iii) Pengawasan dan pemantauan kawalan pergerakan modal.

Selain itu, **pegawai perhubungan yang berdedikasi untuk bekerja rapat dengan VC akan turut diwujudkan**, yang akan diuruskan oleh SC. Pegawai ini akan bertanggungjawab menjadi pemudah cara VC dalam menghadapi cabaran pentadbiran.



**Rajah 3.5: Cadangan Pembangunan Platform Pengurusan, Pemantauan dan Penyediaan Maklumat VC Berpusat**

Platform interaktif VC akan menjadi platform kemudahan pusat untuk semua VC, yang akan diterajui oleh Cradle, dengan input teknikal daripada Dana untuk Dana Negara serta disokong oleh SC dan BNM.



**Intervensi 1c**

**Struktur Kawal Selia yang Kondusif untuk VC; Mengharmonikan Struktur Undang-Undang Dalam/Luar Pesisir**

Objektif intervensi ini adalah untuk mewujudkan rangka kerja undang-undang yang mengawal semua dana VC di Malaysia, termasuk entiti dalam dan luar pesisir. Rangka kerja ini akan disesuaikan mengikut struktur operasi yang lazimnya digunakan oleh dana VC, seperti model Rakan Kongsi Am/Rakan Kongsi Terhad (GP/LP). Matlamat utama adalah untuk memupuk persekitaran operasi yang seragam dan telus untuk VC, meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan di mata firma VC dari dalam mahupun luar negara.

Berdasarkan inisiatif ini, intervensi boleh termasuk **melaksanakan sebuah struktur VC yang boleh diguna pakai untuk dana VC dalam dan luar pesisir di Malaysia**. Contohnya, dengan mengguna pakai struktur Rakan Kongsi Terhad (LP) Labuan dalam sektor VC dalam pesisir Malaysia, dan disesuaikan khusus untuk industri VC.

- Struktur LP sudah pun menjadi format yang kukuh dan diiktiraf secara meluas dalam sektor VC, yang memudahkan proses pengumpulan dana. Kelaziman ini boleh menarik pelabur tambahan dari luar negara yang sudah terbiasa dengan struktur ini.
- Menyelaraskan struktur VC untuk memenuhi keperluan khusus industri, di samping memastikan penjajaran antarabangsa. Pendekatan ini bertujuan untuk membangunkan rangka kerja VC di Malaysia yang diiktiraf di peringkat global, seterusnya meningkatkan daya tarikan negara kepada pelabur asing.

## Intervensi 1d

## Penyelarasan Insentif Cukai Dalam/Luar Pesisir

Objektif intervensi ini adalah untuk menyelaraskan insentif cukai dalam/luar pesisir, meluaskan ketersediaannya & menambah baik insentif cukai kepada VC yang ditubuhkan di Malaysia. Intervensi ini bertujuan untuk menyusun atur persekitaran perniagaan yang menarik, meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai hab pelaburan serantau untuk kedua-dua VC tempatan dan asing melalui skim insentif cukai yang menarik.

Intervensi ini boleh termasuk:

- **Menyelaraskan insentif cukai untuk dana VC dalam dan luar pesisir di Malaysia.**
- **Memperbaik potongan cukai dan insentif pengecualian** untuk merangsang landskap pembiayaan VC.
- **Mengecualikan VC daripada Cukai Keuntungan Modal (CGT).** Pelaksanaan CGT boleh menjejaskan pulangan VC secara negatif, sekaligus menghalang pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor berkaitan.

Contohnya, dalam insentif cukai VC oleh SC:

- Melanjutkan tempoh manfaat cukai sedia ada untuk menampung jangka hayat penuh dana VC (cth. 5 tahun hingga 8-10 tahun).
- Menangani ketidaktentuan yang dihadapi oleh potensi dana baharu yang ditubuhkan selepas 2023 dengan menarik balik kekangan tarikh akhir sedia ada. Pelarasan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk penubuhan dan pertumbuhan dana VC baharu.
- Menghapuskan kriteria syarikat teroka yang layak, berdasarkan sifat oportunistik pelaburan VC dan kemunculan ekosistem syarikat pemula tempatan.



## Intervensi 1e

## Meningkatkan Pilihan Keluar untuk VC

Objektif intervensi ini adalah untuk mengoptimumkan peluang keluar dan menangani keperluan kecairan pelbagai LP dengan meluaskan pilihan keluar serta menyediakan sokongan dalam mengenal pasti syarikat pemula yang berpotensi untuk penyenaraian.

Intervensi ini boleh termasuk:

- **Mempromosikan kerjasama dalam kalangan pemegang berkepentingan yang relevan untuk memudahkan pilihan keluar.**
  - Mewujudkan kesepakatan antara pemecut dan syarikat korporat swasta untuk meneroka potensi keluar syarikat pemula (cth. jualan sekunder).
- **Memperbaik akses kepada Pasaran LEAP untuk mendalami kecairan pasaran.**
  - Melonggarkan syarat penyenaraian dan kos berkaitan untuk syarikat pemula.
  - Meningkatkan penyertaan dan mendalami kecairan dalam pasaran awam dengan memperluaskan definisi pelabur canggih.



**Bagaimanakah intervensi ini menangani jurang yang sedia ada dalam ekosistem?**

Membina bersama inisiatif sedia ada bertujuan untuk memudahkan lebih banyak penyenaraian dalam pasaran modal Malaysia, yang intervensi ini juga bertujuan untuk menggalakkan pelbagai pemegang berkepentingan mempromosikan secara aktif lebih banyak peluang keluar dalam ekosistem syarikat pemula, melalui usaha memudah cara dan melonggarkan syarat untuk penyenaraian.



## Strategi Teras 2

# Meningkatkan Akses Pembiayaan

Pelan Hala Tuju ini bertujuan untuk mewujudkan ekosistem pembiayaan VC yang pelbagai dan teguh. Ini memerlukan peruntukan dana kerajaan yang lebih strategik dan cekap untuk merangsang dan menarik penyertaan modal swasta yang lebih besar, menggalakkan persekitaran pembiayaan teroka yang bervariasi, teguh serta bersifat mampan.

Memandangkan ketersediaan dana kerajaan yang terhad, usaha pembiayaan awam harus diperkembangkan melalui:

1. Pemusatan semua FOF kerajaan menjadi FOF nasional untuk memangkinkan pelaburan VC merentas semua peringkat pembiayaan.
2. Pemusatan penyelarasan atau konsolidasi agensi kerajaan melibatkan pelaburan tidak langsung.

Untuk meningkatkan lagi daya tarikan Malaysia sebagai lokasi pelaburan teroka yang berpotensi dan menarik lebih banyak VC swasta, kriteria berasaskan prinsip (berbanding berasaskan kriteria) boleh diguna pakai untuk skim padanan Dana untuk Dana kerajaan. Setakat ini, kaedah ini terbukti berkesan dalam menarik modal swasta. Faktor kejayaan termasuklah meningkatkan jumlah pembiayaan VC Malaysia dan kadar penembusan teroka menjelang 2030.

Tiga intervensi strategik disyorkan untuk melaksanakan visi ini. Intervensi ini direka untuk membantu merencanakan landskap VC agar lebih bertenaga dan menarik, dengan menggalakkan penyertaan yang lebih besar daripada pemegang berkepentingan yang berbeza, dan lingkungan pembiayaan yang tersedia untuk syarikat pemula.

## Penyelarasan dengan Sasaran Pelan Hala Tuju:

Ke arah mencapai:

**Penembusan teroka akan meningkat daripada 0.19% pada 2022 kepada julat antara 0.25%-0.35% menjelang 2030**

## Penanda Ukur Berpotensi:

- 1 Kadar penembusan teroka
- 2 Jumlah pembiayaan disumbangkan oleh:  
(i) awam dan swasta  
(ii) peringkat pembiayaan
- 3 Bilangan pengurus dana modal teroka tempatan dan asing di Malaysia, termasuk CVC

## Cadangan Intervensi:

- 2a Peruntukan dana kerajaan yang lebih strategik dan cekap
- 2b Meningkatkan daya tarikan skim padanan Dana untuk Dana kerajaan
- 2c Meningkatkan penyertaan GLIC, GLC dan korporat dalam pelaburan teroka

## Intervensi 2a

# Peruntukan Dana Kerajaan yang Lebih Strategik dan Cekap

Objektif intervensi adalah untuk memastikan peruntukan dana kerajaan yang lebih strategik dengan mentakrifkan dengan jelas bidang tumpuan dan strategi pengeluaran, untuk memaksimumkan impak positif ke atas ekosistem VC Malaysia.

Intervensi boleh mengurangkan pertindihan agensi pembiayaan kerajaan dan meningkatkan kesan pengganda pembiayaan melalui:


- **Pemusatan semua FOF kerajaan menjadi FOF nasional**, untuk memangkinkan pelaburan VC merentasi semua peringkat dan mengurangkan pertindihan dalam ekosistem VC Malaysia. Ini dibayangkan untuk menggalakkan peruntukan dana kerajaan yang lebih cekap yang akan menyokong dan memangkinkan pertumbuhan ekosistem VC Malaysia secara keseluruhan melalui:  
(i) meningkatkan penyertaan sektor swasta,  
(ii) meningkatkan aliran urus niaga syarikat pemula, dan  
(iii) meningkatkan akses kepada modal.
- **Pemusatan penyelarasan atau penggabungan agensi kerajaan melibatkan pelaburan tidak langsung.**

## Bagaimanakah intervensi ini menangani jurang yang sedia ada dalam ekosistem?

Memperluaskan inisiatif sedia ada kerajaan untuk memperuntukkan pembiayaan awam melalui pelbagai agensi, intervensi ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dengan memberikan peranan khusus kepada setiap agensi, mengurangkan risiko pertindihan strategi pelaburan.



Rajah 3.6: Rangka Kerja Strategi Pembiayaan Kerajaan yang Dipertingkat dalam Industri VC



Intervensi 2b

# Meningkatkan Daya Tarikan Skim Padanan Dana untuk Dana Kerajaan

Intervensi ini bertujuan untuk meningkatkan daya tarikan skim padanan FOF dengan memastikan bahawa kriteria yang ditetapkan tidak terlalu ketat, bagi mengelakkan VC baharu terhalang daripada menubuhkan operasi di Malaysia.

Intervensi boleh:

- Mengguna pakai syarat kelayakan kriteria berasaskan prinsip (berbanding kriteria berasaskan kriteria yang ketat).**

Syarat padanan dan kriteria pelaburan semasa boleh digunakan sebagai asas, dengan tambahan fleksibiliti yang diberikan kepada VC swasta dengan cara berikut:

  - Membenarkan nisbah padanan pembiayaan VC kerajaan kepada swasta yang lebih rendah (cth. 7:3) untuk pelaburan dalam syarikat pemula yang berada dalam sektor yang sejajar secara strategik dengan hala tuju pelaburan kerajaan secara keseluruhan.
  - Membenarkan bahagian pelaburan yang lebih rendah dalam perniagaan yang berpangkalan di Malaysia (cth. kurang daripada 50%), dengan syarat pelaburan tersebut menyumbang manfaat ekonomi yang ketara kepada ekonomi tempatan.
- Menawarkan insentif peningkatan yang dipertingkat kepada VC yang memenuhi kriteria pelaburan tertentu.**

Walaupun VC swasta diberi kelonggaran untuk menerima pakai syarat kelayakan kriteria berasaskan prinsip, mereka yang mematuhi kriteria Dana untuk Dana sedia ada boleh menerima insentif tambahan. Sebagai contoh, VC yang layak boleh diberikan pilihan panggilan 5 tahun untuk membeli saham kerajaan pada kos ditambah kadar halangan.

**Bagaimanakah intervensi ini menangani jurang yang sedia ada dalam ekosistem?**

Intervensi ini akan melonjakkan inisiatif sedia ada dengan memperkenalkan syarat pelaburan berasaskan prinsip. Pendekatan ini memastikan bahawa VC tidak terikat dengan set kriteria yang tetap. Sebaliknya, pengecualian boleh dibuat atas dasar merit.

## Intervensi 2c

# Meningkatkan Penyertaan GLIC, GLC dan Korporat dalam Pelaburan Teroka

Objektif intervensi ini adalah untuk membuka potensi kecairan GLIC, GLC dan entiti korporat yang belum diterokai dan memperbesar lingkungan kumpulan pembiayaan dalam ekosistem VC, dengan tujuan akhir untuk mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan untuk syarikat pemula, terutamanya selepas peringkat awal.

Intervensi boleh:

- **Menggalakkan penyertaan yang lebih besar dalam kalangan GLIC, GLC dan korporat ke dalam ekosistem VC melalui pendidikan dan fasilitasi.**
  - Mewujudkan kesedaran tentang VC sebagai sebuah kelas pelaburan untuk membuka sumber modal alternatif dan memanfaatkan potensi kecairan yang belum diterokai daripada GLIC, GLC dan syarikat swasta.
- **Mempertimbangkan untuk menyediakan insentif tambahan bagi menarik kumpulan peserta yang lebih luas (GLIC, GLC dan korporat) dalam industri VC.** Mekanisme yang berpotensi untuk dipertimbangkan boleh termasuk pembiayaan bersama antara kerajaan dan GLIC/GLC/korporat apabila:
  - Kerajaan memadankan pelaburan sehingga peratusan yang telah ditentukan daripada jumlah pembiayaan oleh GLIC/GLC/syarikat swasta dalam jumlah tahun yang telah ditetapkan. GLIC/GLC/syarikat swasta boleh membeli pegangan ekuiti kerajaan dalam syarikat pemula yang dilaburkan.
  - Untuk pelaburan ke dalam syarikat pemula oleh syarikat swasta, bimbingan dan tunjuk ajar rutin boleh diberi kepada syarikat pemula untuk memudahkan pemindahan pengetahuan.



## Bagaimanakah intervensi ini menangani jurang yang sedia ada dalam ekosistem?

Intervensi ini akan menggalakkan penyertaan yang lebih besar daripada GLIC, GLC dan entiti korporat, sekaligus memperluas asas pembiayaan pelabur dan ketersediaan modal dalam ekosistem VC tempatan.



## Strategi Teras 3

# Meningkatkan Aliran Bakat Modal Teroka di Malaysia

Pelan Hala Tuju ini bertujuan untuk memastikan kumpulan bakat VC Malaysia memiliki pengetahuan yang mendalam dan kepakaran yang diperlukan untuk menyokong dan memacu pertumbuhan ekosistem VC yang lebih luas. Ini melibatkan pelaksanaan sasaran intervensi strategik yang direka untuk menarik, membangun dan mengekalkan ahli VC profesional yang mahir. Dengan mempromosikan asas bakat yang dinamik dan berpengetahuan, langkah ini bertujuan untuk mencari keseimbangan yang seiring dengan permintaan industri VC yang berkembang.

Selain itu, bagi mengukuhkan lagi aliran bakat VC di Malaysia, adalah penting untuk meningkatkan tawaran nilai negara untuk menarik bakat. Ini boleh melibatkan skim visa yang diperbaharui bagi memudahkan dan menggalakkan pemindahan pengetahuan daripada ahli VC profesional yang berpengalaman di seluruh dunia.

Tiga intervensi strategik dicadangkan untuk membangunkan aliran bakat ahli profesional pelaburan VC dan mereka yang menyediakan perkhidmatan sokongan VC. Intervensi ini meliputi galakan pengurus dana VC tempatan yang baharu dan sedang meningkat naik, dan keutamaan kepada program pendidikan praktikal. Melalui usaha ini, Malaysia berhasrat untuk memupuk kumpulan ahli profesional yang dilengkapi khas dengan pengetahuan bagi menyokong pembangunan industri VC negara yang bercita-cita tinggi.



## Penyelarasan dengan Sasaran Pelan Hala Tuju:

Ke arah mencapai:

**Peningkatan bilangan VC di Malaysia antara 15%-25%, daripada 116 pada 2022, selari dengan peningkatan jumlah VC profesional (dalam dan luar negara)**

## Penanda Ukur Berpotensi:

- 1 Jumlah ahli VC profesional tempatan dan asing
- 2 Jumlah program industri berfokuskan VC dan bilangan pelajar yang mendaftar
- 3 Jumlah pentadbir dana dengan operasi yang ditubuhkan di Malaysia

## Cadangan Intervensi:

- 3a Menyemai pengurus dana baharu, mempromosikan program pendidikan yang berfokus kepada VC dan menyerap bakat baharu ke dalam industri
- 3b Skim visa yang ditambah baik untuk memudahkan tarikan bakat
- 3c Memudahkan pembangunan dan penubuhan fungsi sokongan VC

## Intervensi 3a

## Menyemai Pengurus Dana Baharu, Mempromosikan Program Pendidikan yang Berfokus kepada VC dan Menyerap Bakat Baharu ke dalam Industri.

Intervensi ini bertujuan untuk terus menyokong pembangunan bakat tempatan dengan meningkatkan kesedaran dan membina keupayaan kumpulan bakat VC negara, melalui penyemaian pengurus dana VC tempatan baharu/sedang meningkat naik oleh kerajaan dan pengenalan program pendidikan untuk menyokong pembangunan keseluruhan industri VC. Ia juga bertujuan untuk mempromosikan kumpulan bakat VC yang lebih pelbagai dan inklusif (seperti peningkatan dalam penyertaan wanita).

Intervensi ini boleh termasuk:

- **Menggalakkan penyemaian pengurus dana VC tempatan yang baharu/sedang meningkat naik** oleh kerajaan melalui sokongan pembiayaan awal untuk VC tempatan untuk mewujudkan rekod prestasi pelaburan, mengembangkan rangkaian, dan mengukuhkan keupayaan untuk mengoperasikan dana mereka sendiri dalam jangka masa sederhana dan panjang.
- **Menggalakkan kerjasama antara universiti dan VC untuk meningkatkan keupayaan pelabur tempatan dan memastikan saluran bakat VC yang konsisten.**

Untuk mencapai matlamat ini, universiti dan VC harus bekerjasama untuk:

- Membangunkan program pembangunan bakat yang disasarkan kepada graduan dan bakal usahawan. Program ini harus menyediakan pengalaman industri yang praktikal kepada peserta, seperti peluang ditempatkan di bawah penganalisis pelaburan atau bekerja dengan pelabur berpengalaman.
- Mempromosikan program latihan yang membolehkan pelajar memperoleh pengalaman dalam persekitaran VC, sekaligus meningkatkan peluang rangkaian mereka, seterusnya menghasilkan graduan yang bersedia untuk bekerja.
- **Memperkenalkan program inkubator khusus untuk industri VC yang bertujuan untuk membangunkan pengurus dana tempatan yang baharu.**
  - Program inkubator boleh diterajui oleh pelabur berpengalaman dan ahli VC profesional, untuk melengkapi pengurus dana VC tempatan baharu dengan kemahiran dan kecekapan yang tepat untuk berkembang.

**Bagaimanakah intervensi ini menangani jurang yang sedia ada dalam ekosistem?**

Intervensi ini akan meningkatkan kesedaran keseluruhan tentang industri VC dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan VC, menyediakan ruang untuk pelajar, graduan dan profesional untuk mendalami pengetahuan dan kepakaran dalam ekosistem VC.

- **Mewujudkan kesedaran dalam kalangan korporat tentang VC sebagai kelas pelaburan.**
  - Program jangkauan aktif untuk korporat bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran tentang VC sebagai kelas pelaburan melalui kerjasama (cth. dengan SC, SIDC, ICDM), untuk membuka kunci sumber modal alternatif.
  - Memanfaatkan platform tettingkap tunggal untuk menyediakan maklumat tentang perkembangan industri, menggalakkan kesedaran dan faedah pelaburan pasaran kepada syarikat.

- **Mewujudkan aliran bakat VC yang pelbagai dan inklusif.**
  - Menggalakkan kerjasama antara VC dan program kepelbagaian (cth. 30% Club Malaysia) untuk menggalakkan peningkatan jumlah pengurus dana dalam kalangan wanita.
  - Pengurus dana wanita memiliki kecenderungan dua kali ganda lebih besar untuk melabur dalam syarikat pemula yang diasaskan wanita (cth. Dropee dan PolicyStreet). Oleh itu, menggalakkan penyertaan pengurus dana dalam kalangan wanita dijangka akan terus menyokong pembangunan syarikat pemula yang berjaya di samping memajukan agenda kepelbagaian.

Di seluruh dunia, terdapat hanya 4.9% daripada rakan kongsi VC wanita, dengan hanya 2% daripada pembiayaan teroka disalurkan kepada syarikat pemula yang diasaskan oleh wanita.



## Intervensi 3b

## Memperkasakan Skim Visa untuk Memudahkan Tarikan Bakat

Objektif intervensi ini adalah untuk meningkatkan fleksibiliti dan kecekapan pemprosesan skim yang tersedia untuk bakat VC, dengan harapan agar Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang komited dan terbuka dengan mengalu-alukan bakat VC asing yang mahir, yang akan menyokong usaha dalam memperluas aliran bakat bakat VC di Malaysia.

Intervensi ini boleh termasuk:

- **Memperluas kelayakan pemohon visa bagi membolehkan permohonan dibuat oleh pemegang berkepentingan selain pelabur dan ahli VC profesional.**

Memperluas kelayakan permohonan skim visa kepada mereka yang terdiri daripada rangkaian pemegang berkepentingan ekosistem yang lebih meluas seperti ahli VC profesional yang berpengalaman (selain pengasas/pengasas bersama) dan mereka yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran dana VC.

- **Membenarkan fleksibiliti dalam kriteria kelayakan skim visa.**

Memperkenalkan pelbagai pilihan pelaburan sebagai kriteria penilaian untuk skim visa, yang menawarkan kelonggaran kepada pelabur/pengasas untuk memilih laluan pelaburan pilihan mereka untuk masuk ke Malaysia. Pilihan ini harus berbeza dari segi:

- jumlah pelaburan minimum,
- jenis pelaburan (cth. syarikat pemula yang berpangkalan di Malaysia, pelaburan tidak langsung ke dalam dana VC).

- **Mempercepat garis masa pemprosesan untuk memudahkan kemasukan pelabur dan ahli VC profesional asing.**

- Mewujudkan garis panduan yang jelas dan boleh diakses secara umum tentang prosedur permohonan visa, termasuk garis masa yang jelas untuk setiap langkah dan struktur yuran yang komprehensif.
- Menggalakkan kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan yang berkaitan bagi memastikan penyelarasan yang lancar dalam proses kelulusan visa, seterusnya mengelakkan semakan pentadbiran yang berulang dan fungsi yang bertindih.
- Menilai kemungkinan melaksanakan sistem keutamaan untuk mempercepat pemprosesan visa, terutamanya bagi pemohon yang merupakan pelabur dalam sektor strategik (cth. sektor tumpuan yang sejajar dengan strategi pelaburan keseluruhan kerajaan).

### Bagaimanakah intervensi ini menangani jurang yang sedia ada dalam ekosistem?

Dengan membina usaha kerajaan yang pelbagai untuk menarik bakat asing melalui pengenalan skim visa yang berbeza, intervensi ini bertujuan bagi meningkatkan lagi kemudahan kemasukan pelabur dan bakat VC asing.



## Intervensi 3c

## Memudahkan Pembangunan dan Penubuhan Fungsi Sokongan VC

Objektif intervensi ini adalah untuk mempromosikan ekosistem VC Malaysia dengan memudahkan penubuhan dan pembangunan fungsi sokongan VC, sekaligus merintis jalan untuk industri VC yang lebih berdikari dan cekap dari segi ekonomi di Malaysia.

Intervensi ini boleh termasuk:

- **Melanjutkan insentif dan faedah untuk menarik fungsi sokongan dana VC asing.**

- Insentif hendaklah disesuaikan dengan ciri-ciri fungsi sokongan VC, seperti pemindahan pengetahuan, penciptaan pekerjaan atau skala operasi di Malaysia. Di samping itu, insentif yang diperkenalkan harus menggalakkan komitmen jangka panjang dan pelaburan dalam ekosistem VC tempatan.

- **Memperkenalkan program peningkatan kemahiran yang disesuaikan untuk menyokong penyedia perkhidmatan yang berkhidmat dalam industri VC.**

- Untuk menggalakkan penyedia perkhidmatan sokongan tradisional sedia ada untuk berkhidmat kepada VC sebagai kelas aset, sokongan pembiayaan boleh diberikan kepada penyedia ini untuk menghadiri kursus peningkatan kemahiran khusus untuk fungsi sokongan VC (cth. memberi subsidi 30% daripada yuran kursus).

- **Menubuhkan Persatuan Pentadbir Dana Malaysia untuk menggalakkan pemindahan pengetahuan dalam kalangan penyedia perkhidmatan sokongan yang beroperasi di Malaysia.**

- Untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan pemain utama dalam ekosistem, seperti penyedia perkhidmatan sokongan, badan kawal selia, dan VC, Persatuan Pentadbir Dana Malaysia boleh membentuk perkongsian jangka masa panjang dengan Persatuan Modal Teroka & Ekuiti Persendirian Malaysia (MVCA). Kerjasama ini akan menumpukan kepada mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh VC dan memainkan peranan penting dalam memajukan kedudukan Malaysia sebagai hab pelaburan pusat di Asia Tenggara, dengan memanfaatkan persekitaran mesra perniagaannya.

Secara spesifik, geran dan insentif cukai yang tersedia untuk firma VC, boleh disesuaikan dan diperluaskan kepada fungsi sokongan dana VC di mana kriteria kelayakan bagi geran dan insentif cukai boleh merangkumi perkara berikut: (tidak menyeluruh)

- Operasi fungsi sokongan VC ditubuhkan di Malaysia.
- Menerima peratusan minimum hasil (cth. 80%) daripada VC yang berpangkalan di Malaysia.



Rajah 3.6: Pelan Intervensi Berperingkat untuk Pembangunan Ekosistem VC Malaysia Menjelang 2030

Intervensi yang dicadangkan akan dilaksanakan menerusi 3 fasa menjelang 2030.

| Strategi Teras                                                                         | 2024–2025<br>Fasa 1: Memperkukuhkan Asas Kita                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | 2026–2027<br>Fasa 2: Mempercepat Pembaharuan & Perluasan                                                                                                                                                                                                                                                                             | 2028–2030<br>Fasa 3: Kematangan & Kemampanan Ekosistem |
|----------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|
| <div>1</div> <div></div> <div>Memudah Cara Urusan Perniagaan</div>                     | <div>1a</div> <div>Melancarkan aliran modal rentas sempadan</div> <div><ul style="list-style-type: none"><li>Meningkatkan peruntukan dan ketelusan Maklumat Aliran Modal.</li><li>Pengenalan proses kelulusan laluan pantas untuk VC.</li><li>Penubuhan Rangka Kerja Dasar Pertukaran Asing Khusus (FEP) VC &amp; Syarikat Pemula</li></ul></div>      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                        |
|                                                                                        | <div>1b</div> <div>Platform berpusat untuk VC, yang memudahkan pengurusan, pemantauan dan penyediaan maklumat VC</div>                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                        |
|                                                                                        | <div>1c</div> <div>Struktur kawal selia yang kondusif untuk VC; mengharmonikan struktur undang-undang dalam/luar pesisir</div>                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                        |
|                                                                                        | <div>1d</div> <div>Penyelarasan insentif cukai untuk dalam/luar pesisir</div>                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                        |
|                                                                                        | <div>1e</div> <div>Meningkatkan pilihan keluar untuk VC</div> <div><ul style="list-style-type: none"><li>Menggalakkan kerjasama untuk memudahkan pilihan keluar.</li></ul></div>                                                                                                                                                                       | <ul style="list-style-type: none"><li>Meningkatkan kebolehcapaian kepada Pasaran LEAP.</li></ul>                                                                                                                                                                                                                                     |                                                        |
| <div>2</div> <div></div> <div>Meningkatkan Akses Pembiayaan</div>                      | <div>2a</div> <div>Peruntukan dana kerajaan yang lebih strategik dan cekap</div> <div><ul style="list-style-type: none"><li>Pemusatan semua FOF kerajaan menjadi FOF nasional.</li></ul></div>                                                                                                                                                         | <ul style="list-style-type: none"><li>Pemusatan penyelarasan atau penggabungan agensi kerajaan melibatkan pelaburan tidak langsung.</li></ul>                                                                                                                                                                                        |                                                        |
|                                                                                        | <div>2b</div> <div>Meningkatkan daya tarikan skim padanan Dana untuk Dana kerajaan</div> <div><ul style="list-style-type: none"><li>Mengguna pakai syarat kelayakan berasaskan prinsip untuk penerima FOF kerajaan.</li></ul></div>                                                                                                                    | <ul style="list-style-type: none"><li>Menawarkan insentif peningkatan yang ditambah baik kepada VC yang memenuhi kriteria pelaburan tertentu.</li></ul>                                                                                                                                                                              |                                                        |
|                                                                                        | <div>2c</div> <div>Meningkatkan penyertaan GLIC, GLC dan korporat dalam pelaburan teroka</div>                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                        |
| <div>3</div> <div></div> <div>Meningkatkan Aliran Bakat Modal Teroka di Malaysia</div> | <div>3a</div> <div>Menyemai pengurus dana baharu, mempromosikan program pendidikan yang berfokus kepada VC dan menyerap bakat baharu ke dalam industri.</div> <div><ul style="list-style-type: none"><li>Menggalakkan penyemaian pengurus dana VC tempatan baharu/sedang meningkat naik melalui kerjasama.</li></ul></div>                             | <ul style="list-style-type: none"><li>Menggalakkan perkongsian antara institusi pendidikan dan VC.</li><li>Memperkenalkan program inkubator khusus berteraskan VC.</li><li>Aliran bakat VC yang inklusif.</li><li>Pembinaan kesedaran dalam kalangan korporat.</li></ul>                                                             |                                                        |
|                                                                                        | <div>3b</div> <div>Memperkasakan skim visa untuk memudahkan tarikan bakat</div> <div><ul style="list-style-type: none"><li>Meluaskan kelayakan pemohon visa kepada lebih banyak pemegang berkepentingan.</li><li>Membenarkan fleksibiliti dalam kriteria kelayakan skim visa.</li><li>Mempercepatkan garis masa pemprosesan skim visa.</li></ul></div> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                        |
|                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <div>3c</div> <div>Memudahkan pembangunan dan penubuhan fungsi sokongan VC</div> <div><ul style="list-style-type: none"><li>Memperkenalkan program peningkatan kemahiran.</li><li>Menubuhkan Persatuan Pentadbir Dana Malaysia.</li><li>Melanjutkan insentif dan faedah untuk menarik fungsi sokongan dana VC asing.</li></ul></div> |                                                        |

PETUNJUK

Intervensi kritikal

Penjajaran intervensi kepada tonggak strategik:

- Pembiayaan
- Pembaharuan Kawal Selia
- Pembinaan Keupayaan

#### BAHAGIAN 4:

# Strategi Pelaksanaan MVCR

Sebaik sahaja kita terbang, keseimbangan perlu dikekalkan agar layang-layang dapat terus terbang menongkah bayu di langit. Faktor dan kunci utama yang digariskan dalam bahagian MVCR ini, adalah tentang menetapkan kawalan dan memandu ke hadapan, menuju hasil yang kita impikan untuk ekosistem VC.

Susulan kepada intervensi strategik yang digariskan dalam bab sebelumnya, tumpuan kini beralih kepada mekanisme yang penting untuk pelaksanaan yang berkesan. Secara kolektif, pengupaya ini memainkan peranan penting dalam membentuk evolusi struktur dan operasi ekosistem VC Malaysia. Dengan menangani keperluan maklumat dan organisasi dalam sfera VC, ia sekaligus menetapkan sebuah peringkat untuk era inovasi dan pelaburan yang bersedia untuk memberikan lonjakan kepada ekosistem syarikat pemula Malaysia yang rancak dan bertenaga.

#### BAHAGIAN 4:1

# Pengupaya Utama untuk Kejayaan Pelaksanaan Intervensi

Tumpuan fasa ini berpaksikan dua pengupaya utama yang penting untuk mengasah aliran kerja operasi, memupuk inovasi, dan memastikan ekosistem VC selaras dengan matlamat pembangunan Malaysia yang lebih meluas. Pengupaya ini memainkan peranan penting dalam menterjemahkan visi strategik kepada hasil yang ketara, menggalakkan kerjasama, meningkatkan kemahiran dan mempercepatkan pertumbuhan dalam sektor VC.

Pengupaya utama pertama, **penubuhan platform tetingskap tunggal**, menandakan satu langkah penting ke arah menyatukan dan memudahkan akses kepada maklumat VC yang penting. Platform ini muncul sebagai elemen asas untuk mengukuhkan ketelusan dan sokongan di seluruh landskap VC. Sama seperti melayangkan Wau Bulan ke langit biru, syarikat pemula berkembang maju dalam persekitaran apabila pelbagai komponen landskap VC dan syarikat pemula serta landskap inovasi diselaraskan secara harmoni.

Justeru, **penubuhan majlis VC**, yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan, menandakan langkah terancang ke arah mewujudkan rangka kerja bersepadu yang bertujuan untuk memandu ekosistem VC ke arah perpaduan dan impak yang dipertingkatkan. Inisiatif ini menyerlahkan komitmen yang mendalam untuk memupuk perkongsian dan menyelaraskan inisiatif VC dengan layar strategi teknologi dan inovasi Malaysia yang lebih lebar.

## Pengupaya Utama 1:

# Penubuhan Platform Tetingkap Tunggal

Untuk terus meningkatkan kerjasama ekosistem, portal MYStartup juga boleh dimanfaatkan untuk persepadaan maklumat berkaitan ekosistem VC.

## Bagaimanakah usaha sedia ada boleh dipertingkatkan dengan lebih baik untuk menyokong ekosistem VC?

Portal MYStartup bersedia untuk menjadi aset transformatif untuk mengukuhkan ekosistem VC Malaysia, distrukturkan dengan teliti berdasarkan tiga tonggak: **Pembiayaan, Pembaharuan kawal selia dan Pembangunan keupayaan.**

Dengan memasukkan pandangan terperinci mengenai sumber pembiayaan, laluan kawal selia dan langkah peningkatan keupayaan, ia bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dalam kalangan peserta ekosistem. Untuk meningkatkan lagi kerjasama ekosistem, portal MYStartup juga boleh dimanfaatkan untuk persepadaan maklumat berkaitan ekosistem VC. Justeru, MYStartup yang dipertingkatkan ini dijangka berupaya menjadi sumber penyedia maklumat tunggal, dan akan melengkapkan platform interaktif VC bagi memudahkan aktiviti pelbagai kumpulan sasar VC, menjadikannya saluran yang amat diperlukan untuk pemegang berkepentingan domestik dan global yang ingin menyelami dan menyumbang kepada landskap modal teroka Malaysia.



### Apakah Platform MYSTARTUP?

Platform MYStartup adalah sebuah projek nasional yang dimulakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan dibangunkan oleh Cradle Fund Sdn Bhd. Platform ini menyediakan persekitaran interaktif di mana semua rakan kongsi ekosistem syarikat pemula boleh berkongsi maklumat, mendapatkan perkhidmatan dan merangsang perkongsian yang bermakna.

Platform ini juga berfungsi sebagai direktori syarikat pemula, pelabur, penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi lain dalam ekosistem di Malaysia. Selain itu, platform ini turut menyediakan senarai program ekosistem syarikat pemula, sumber bakat dan akses kepada kandungan yang dipilih susun oleh komuniti.



## Rajah 4.1: Rangka Kerja untuk Mengintegrasikan Maklumat Ekosistem VC ke dalam MYSTARTUP

Khususnya, maklumat tentang ekosistem VC untuk disepadukan dalam portal MYStartup sedia ada boleh dikategorikan kepada tiga tonggak utama seperti berikut:



### PEMBIAYAAN

#### Maklumat komprehensif tentang pembiayaan awam dan swasta,

menggabungkan senarai lengkap yang merangkumi agensi pembiayaan Kerajaan, VC dan CVC swasta. Setiap pihak pembiaya juga harus menyatakan maklumat seperti berikut:

- Fokus pembiayaan, mengikut peringkat dan sektor
- Bentuk pelaburan (cth. geran, ekuiti/ pembiayaan hutang)

#### Penyenaraian semua skim padanan Dana untuk Dana yang tersedia, termasuk butiran berkaitan seperti berikut:

- Keperluan padanan (cth. nisbah padanan)
- Kriteria pelaburan dan komposisi jawatankuasa pelaburan
- Garis panduan permohonan



### PEMBAHARUAN KAWAL SELIA

Garis panduan kawal selia terperinci untuk VC bagi mewujudkan kehadiran di Malaysia, termasuk proses langkah demi langkah, anggaran garis masa untuk setiap proses dan penyenaraian pihak berkuasa yang berkaitan. Ini boleh melibatkan:

- Prosedur pemerbadanan dan pendaftaran untuk VCC dan VCMC
- Struktur undang-undang VC di Malaysia
- Maklumat komprehensif tentang insentif cukai yang tersedia




### PEMBANGUNAN KEUPAYAAN

Maklumat komprehensif tentang semua skim visa yang tersedia untuk pemegang berkepentingan yang berkaitan dalam ekosistem (cth. pelabur asing, VC profesional dan pentadbir dana VC), termasuk butiran yang berkaitan seperti berikut:

- Perbezaan antara pelbagai skim yang tersedia
- Kriteria kelayakan dan keperluan visa untuk setiap skim
- Permohonan garis panduan

Rajah 4.2: Mengoptimumkan Platform MYStartup untuk Menyokong Pelbagai Pemegang Berkepentingan dalam Ekosistem VC

MYStartup yang dipertingkat ini dijangka berupaya menjadi sumber penyedia maklumat tunggal, dan akan melengkapkan platform interaktif VC bagi memudahkan aktiviti pelbagai kumpulan sasar VC.



Pengupaya Utama 2

Penubuhan Majlis Modal Teroka

Majlis VC perlu ditubuhkan sebagai fasilitator pusat ekosistem VC.

Faedah Utama & Pengurangan Risiko

Di masa akan datang, **sebuah majlis VC, yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan (MOF)**, dijangka akan bertindak sebagai fasilitator pusat dan menerajui ekosistem VC bagi memastikan penyelarasan inisiatif dan usaha yang berkesan dalam kalangan semua pemegang berkepentingan. Peranan utama majlis ini adalah untuk memastikan penyelarasan yang berkesan dalam kalangan semua pemegang berkepentingan, sekaligus meningkatkan skala dan impak keseluruhan ekosistem.

Kepimpinan MOF adalah penting berdasarkan peranannya yang besar dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif MVCR. **Kepimpinan berpusat ini bukan sahaja dapat menyelaraskan operasi tetapi juga memainkan peranan mustahak dalam mengurangkan risiko inisiatif yang berulang dan matlamat yang bercanggah.**

Penglibatan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam Majlis VC, khususnya Kluster Teknologi Baru yang semakin meningkat naik, dapat memadankan inisiatif ekosistem VC dengan matlamat negara Malaysia untuk pembangunan teknologi dan saintifik. Kesepakatan strategik ini adalah penting untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pembangunan yang tidak berhubung, memastikan ekosistem VC berkembang selaras dengan kemajuan teknologi yang lebih meluas serta agenda inovasi negara.

Rajah 4.3: Penubuhan Majlis VC Pusat sebagai Fasilitator Ekosistem Modal Teroka

Badan Kawal Selia, Kementerian dan PMO (Ahli Teras)



Agensi Pembiayaan Terpilih (Berdasarkan Jemputan)

*Tidak Menyeluruh*



Jika perlu, ahli terpilih boleh dijemput ke majlis VC berdasarkan jangkaan peranan mereka dalam menyokong intervensi yang dicadangkan.

Persatuan:



## BAHAGIAN 5:


# Struktur Tadbir Urus

Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia menggariskan rangka kerja tadbir urus strategik yang penting untuk mengemudi ekosistem modal teroka negara dari 2024 hingga 2030. Rangka kerja ini direka dengan teliti untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan MVCR.

Sama seperti 'cucuk sanggul', hiasan rambut tradisional yang digunakan untuk mengikat dan menghiasi gaya rambut—rangka kerja tadbir urus strategik ini mengukuh dan memperkaya ekosistem VC dan syarikat pemula. Ia memupuk kecemerlangan dasar dan kepimpinan, dengan penyisipan elemen tadbir urus strategik yang bijak bagi memastikan segala-galanya berada di tempatnya. Ini menjamin kesepaduan ekosistem dan pertumbuhan yang dinamik.

## Rajah 5.1: Cadangan Struktur Tadbir Urus MVCR

Tadbir urus MVCR akan diterajui bersama oleh Kabinet, MTEN dan MED4IR, disokong oleh Majlis VC dan PMO.



# Kesimpulan

Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia (MVCR) 2024-2030 melakarkan jalan komprehensif ke arah mewujudkan Malaysia sebagai kuasa dinamik dalam arena modal teroka serantau menjelang 2030. Pelan hala tuju ini adalah bukti komitmen negara untuk memupuk persekitaran yang subur untuk aktiviti modal teroka, yang bersedia untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pesaing penting dalam bidang modal teroka Asia Tenggara.

Ini adalah hasil daripada analisis yang teliti, menggariskan strategi dan intervensi yang jelas dan boleh diambil tindakan, seperti meningkatkan pemudah cara menjalankan perniagaan, menambah baik akses kepada pembiayaan, dan meningkatkan kumpulan bakat modal teroka. Visi pelan hala tuju disokong oleh pendekatan berperingkat, memastikan bahawa setiap sasaran boleh dicapai dan memberi kesan, melalui pemantauan berdasarkan analisis laluan impak yang terperinci.

Prinsip sinergi kolaboratif adalah elemen penting dalam etos pelan hala tuju ini. Ia menekankan peranan mustahak sebuah rangkaian kompleks pemegang berkepentingan. Usaha kolektif ini adalah penting bagi pelan hala tuju untuk melangkaui skop berwawasannya dan menjadikannya sebuah realiti yang ketara. Ini adalah seruan perpaduan, untuk menggabungkan kekuatan pelbagai pemegang berkepentingan menuju ke arah matlamat bersama untuk memajukan ekosistem modal teroka Malaysia.

# Terima Kasih

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu dan organisasi yang telah menyumbang dalam pembangunan Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia 2024-2030.

Pencapaian ini dicapai melalui usaha kolaboratif dan inovatif pelbagai kumpulan pemegang berkepentingan dalam sektor awam dan swasta. Ucapan terima kasih khas ditujukan kepada mereka yang menyertai dua Bengkel Penciptaan Bersama Intervensi dan Bengkel Cabaran Intervensi. Sesi ini adalah penting untuk mengumpul maklum balas, memahami cabaran industri dan membangun intervensi yang berkesan. Kebijaksanaan kolektif dan dedikasi semua peserta ini telah memainkan peranan penting dalam menetapkan asas yang kukuh demi ekosistem modal teroka yang berkembang maju di Malaysia.



# Bibliografi

Capital Markets Malaysia. (n.d.). Corporate Venture Capital Programme. Diakses dari <https://www.capitalmarketsmalaysia.com/corporate-venture-capital-programme-2>

Labuan Financial Services Authority. (n.d.). Diakses dari <https://www.labuanfsa.gov.my/>

Labuan Offshore Financial Services Authority. (n.d.). Diakses dari <https://www.labuanfsa.gov.my/areas-of-business/labuan-structures/labuan-companies/faq#:~:text=The%20rate%20of%20tax%20imposed%20is%203%25%20of%20audited%20net,the%20tax%20substantial%20activity%20requirements.>

Labuan Offshore Financial Services Authority. (n.d.). Diakses dari <https://www.labuanfsa.gov.my/areas-of-business/labuan-structures/partnerships>

MDEC. (n.d.). Malaysia Tech Entrepreneur Programme (MTEP). Diakses dari <https://mdec.my/mtep>

MYPVIP. (n.d.). Malaysia Premium Visa Programme (PVIP). Diakses dari <https://mypvip.com/en/>

Penjana Kapital. (n.d.). Kapital X Programme. Diakses dari <https://penjanakapital.com.my/kapitalx2-programme-to-develop-more-venture-professionals-in-malaysia/>

Pitchbook. (n.d.). Diakses dari <https://pitchbook.com/>

Securities Commission Malaysia. (2018). Securities Commission Malaysia Annual Report 2018. Diakses dari <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=e5b2e41c-8640-44cc-8d76-d72efcc2d064>

Securities Commission Malaysia. (2020). Securities Commission Malaysia Annual Report 2020. Diakses dari <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=e1c7eb21-53db-4f02-a8f8-55dc09f9ffff>

Securities Commission Malaysia. (2022). Securities Commission Malaysia Annual Report 2022. Retrieved from <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=49449d2d-eb98-4e4f-8c70-6f44ce6a840f>

Securities Commission Malaysia. (n.d.). Venture Capital and Private Equity Registration. Diakses dari <https://www.sc.com.my/regulation/licensing/venture-capital-and-private-equity-registration>

Securities Commission Malaysia. (n.d.). Venture Capital Tax Incentives Guidelines. Diakses dari <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=4391aefd-079d-4137-b8a0-5839e66c7d08>

# Akronim dan Singkatan

|             |                                                                                                          |             |                                                                                                 |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| CAGR        | Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul<br>(Compound Annual Growth Rate)                                     | MVCR        | Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia<br>(Malaysia Venture Capital Roadmap)                     |
| CGT         | Cukai Perolehan Modal<br>(Capital Gains Tax)                                                             | MTEP        | Program Usahawan Teknologi Malaysia<br>(Malaysia Tech Entrepreneur Programme)                   |
| Cradle      | Cradle Fund Sdn Bhd                                                                                      | NFOF        | Dana untuk Dana Nasional<br>(National Fund of Fund)                                             |
| CVC         | Modal Teroka Korporat<br>(Corporate Venture Capital)                                                     | OSK         | OSK Ventures International Bhd                                                                  |
| FEP         | Polisi Pertukaran Asing<br>(Foreign Exchange Policy)                                                     | P2P         | Rakan ke Rakan<br>(Peer to Peer)                                                                |
| FOF         | Dana untuk Dana<br>(Funds of Funds)                                                                      | PE          | Ekuiti Persendirian<br>(Private Equity)                                                         |
| GLIC        | Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan<br>(Government-Linked Investment Company)                          | PMO         | Pejabat Pengurusan Program<br>(Programme Management Office)                                     |
| GLC         | Syarikat Berkaitan Kerajaan<br>(Government-Linked Company)                                               | PNS         | Perbadanan Nasional Berhad                                                                      |
| KHAZANAH    | Khazanah Nasional Berhad                                                                                 | PVIP        | Program Visa Premium Malaysia<br>(Malaysia Premium Visa Programme)                              |
| KMP         | Kumpulan Modal Perdana                                                                                   | RMK12       | Rancangan Malaysia Kedua Belas<br>(Twelfth Malaysia Plan)                                       |
| LEAP Market | Platform Pasaran Pemagkin Usahawan<br>Terkemuka<br>(Leading Entrepreneur Accelerator Platform<br>Market) | SC          | Suruhanjaya Sekuriti Malaysia<br>(Securities Commission Malaysia)                               |
| LFSA        | Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan<br>Labuan<br>(Labuan Financial Services Authority)                  | SEA         | Asia Tenggara<br>(Southeast Asia)                                                               |
| LP          | Rakan Kongsi Terhad<br>(Limited Partner)                                                                 | SIDC        | Perbadanan Pembangunan Industri<br>Sekuriti<br>(Securities Industry Development<br>Corporation) |
| M&A         | Penggabungan & Pemerolehan<br>(Mergers & Acquisitions)                                                   | SME Bank    | Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana<br>(Small Medium Enterprise Bank)                           |
| MAVCAP      | Malaysia Venture Capital Management<br>Berhad                                                            | SUPER       | Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup<br>Malaysia<br>(Malaysia Startup Ecosystem Roadmap)           |
| MDEC        | Malaysia Digital Economy Corporation                                                                     | SSM         | Suruhanjaya Syarikat Malaysia<br>(Companies Commission of Malaysia)                             |
| MDV         | Malaysia Debt Ventures                                                                                   | UK          | United Kingdom                                                                                  |
| MED4IR      | Majlis Ekonomi Digital Negara dan Revolusi<br>Industri 4.0<br>(National Digital Economy and 4IR Council) | USD         | Dolar Amerika Syarikat<br>(United States Dollar)                                                |
| MOSTI       | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi<br>(Ministry of Science, Technology and<br>Innovation)          | VCC         | Syarikat Modal Teroka<br>(Venture Capital Compan)                                               |
| MTDC        | Malaysian Technology Development<br>Corporation                                                          | VCMC        | Syarikat Pengurusan Modal Teroka<br>(Venture Capital Management Company)                        |
| MTEN        | Majlis Tindakan Ekonomi Negara                                                                           | VentureTECH | Perbadanan VentureTECH<br>(VentureTECH Corporation)                                             |
| MVCA        | Persatuan Modal Teroka Malaysia<br>(Malaysia Venture Capital Association)                                |             |                                                                                                 |

# Glosari Terma

**Aliran Bakat VC (VC Talent Pool):** Kumpulan profesional yang mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk bekerja dalam industri modal teroka, termasuk peranan seperti pelabur, pengurus dana dan penganalisis.

**CAGR (Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul):** Ukuran yang digunakan untuk mengira purata kadar pertumbuhan tahunan pelaburan dalam tempoh masa tertentu, yang lebih daripada satu tahun.

**Cukai Keuntungan Modal (CGT):** Cukai ke atas keuntungan yang diperolehi daripada penjualan aset bukan inventori, termasuk saham dan jenis pelaburan lain.

**Dana Penjana Nasional:** Inisiatif atau skim pembiayaan Kerajaan khusus yang telah menyumbang kepada ekosistem modal teroka.

**Ekuiti/Pembiayaan Hutang:** Sokongan kewangan yang diberikan kepada pemula atau perniagaan dalam bentuk kepentingan pemilikan (ekuiti) atau pinjaman (hutang) yang perlu dibayar balik.

**Firma Ekuiti Persendirian:** Firma pelaburan yang melabur dalam syarikat yang lebih matang, memperoleh kepentingan yang besar dan sering mengambil bahagian secara aktif dalam pengurusan dan keputusan strategik.

**Firma Modal Teroka:** Firma khusus yang menyediakan modal kepada syarikat pemula dan syarikat peringkat awal, menyumbang sokongan kewangan dan bimbingan strategik.

**Geran Kerajaan:** Sokongan kewangan daripada badan Kerajaan kepada syarikat pemula dan perniagaan, selalunya tanpa memerlukan pembayaran balik atau pertukaran ekuiti.

**Industri Baru Muncul:** Sektor baharu atau membangun yang dijangka menjadi signifikan pada masa hadapan, seperti pembuatan maju atau teknologi hijau.

**Industri VC:** Merujuk kepada sektor yang melibatkan firma dan aktiviti modal teroka, termasuk pengumpulan dana, pelaburan dalam syarikat pemula dan perkhidmatan kewangan lain yang berkaitan.

**Insentif Pelaburan:** Faedah yang disediakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor atau aktiviti tertentu.

**Kadar Penembusan Teroka:** Penunjuk yang mengukur jumlah pembiayaan sebagai peratusan KDNK nominal, mencerminkan saiz relatif pelaburan modal teroka dalam ekonomi.

**Keseluruhan Nilai Pembiayaan:** Jumlah agregat dana yang dilaburkan oleh modal teroka dalam jangka masa tertentu.

**Khidmat Sokongan VC:** Perkhidmatan yang membantu operasi dan pengurusan dana modal teroka, termasuk tugas pentadbiran, penilaian dan pematuhan terhadap peraturan.

# Glosari Terma

**Kiraan Urus Niaga:** Bilangan urus niaga pelaburan individu atau transaksi yang diselesaikan dalam tempoh tertentu.

**Kriteria Kelayakan:** Keperluan khusus yang mesti dipenuhi oleh individu untuk melayakkan diri untuk skim visa tertentu.

**Kriteria Kelayakan dan Pengecualian Cukai:** Syarat yang mesti dipenuhi oleh firma modal teroka untuk melayakkan diri mendapat faedah tertentu dan pelepasan cukai yang diberikan untuk menggalakkan aktiviti mereka.

**Modal Teroka:** Pelabur yang menyediakan modal kepada firma yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi sebagai pertukaran untuk kepentingan ekuiti, lazimnya turut memberi nasihat strategik dan hubungan industri.

**Modal Teroka Korporat (CVC):** Pelaburan yang dibuat oleh sebuah syarikat untuk menjadi syarikat pemula, yang mungkin juga melibatkan penyertaan aktif syarikat dalam pengurusan dan strategi.

**Negara maju:** Negara yang mempunyai tahap pendapatan, perindustrian, dan pemodenan yang lebih tinggi dalam sistem ekonomi mereka berbanding negara membangun.

**Negara-negara SEA (Negara Asia Tenggara):** Merujuk kepada negara anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) yang merupakan sebahagian daripada rantau Asia Tenggara.

**Nilai Pembiayaan VC:** Jumlah keseluruhan wang yang dilaburkan oleh modal teroka di rantau atau negara tertentu.

**Pasaran LEAP:** Pasaran alternatif di Malaysia yang menyediakan pendekatan yang lebih fleksibel untuk penyenaaran, yang mungkin tidak memerlukan kriteria ketat yang sama seperti pasaran utama, yang direka untuk membantu syarikat kecil yang berpotensi untuk berkembang.

**Pelaburan Asing:** Pelaburan yang datang daripada pelabur yang berpangkalan di negara yang berbeza daripada penerima pelaburan.

**Pelaburan Langsung:** Penempatan modal ke dalam syarikat atau projek oleh agensi pembiayaan, berbanding dengan pelaburan melalui perantara seperti dana atau instrumen kewangan lain.

**Pelabur Budiman (Angel Investor):** Individu atau kumpulan kaya yang menyediakan modal kepada syarikat pemula sebagai pertukaran untuk ekuiti pemilikan atau hutang boleh tukar, yang turut menyumbang kepakaran dan hubungan industri.

**Pembiayaan Peer-to-Peer (P2P):** Pembiayaan hutang yang membolehkan individu dan perniagaan memiutang dan meminjam wang secara terus melalui platform dalam talian, tanpa institusi kewangan tradisional.

**Pembiayaan Peringkat Akhir:** Pelaburan yang dibuat dalam syarikat pemula matang yang lebih hampir untuk mencapai pencapaian penting seperti IPO atau pemerolehan.

# Glosari Terma

**Pembiayaan Sektor Awam:** Sumbangan kewangan yang dibuat oleh entiti Kerajaan terhadap dana modal teroka, sering digunakan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan inovasi.

**Pembiayaan Sektor Swasta:** Dana pelaburan yang berasal daripada pelabur individu, syarikat swasta atau firma modal teroka yang tidak bergabung dengan Kerajaan.

**Pembina Teroka:** Organisasi yang membina berbilang syarikat pemula yang menggunakan sumber dan kepakaran mereka sendiri, selalunya menyediakan gabungan sokongan pembiayaan dan pengoperasian.

**Pemecut (Accelerator):** Organisasi yang menyokong permulaan peringkat awal dengan menyediakan kombinasi peluang pembiayaan, bimbingan dan rangkaian, untuk mempercepat pertumbuhan.

**Pemprosesan Hujung ke Hujung:** Pendekatan komprehensif untuk mengendalikan transaksi atau prosedur dari awal hingga akhir, selalunya digunakan untuk menerangkan proses kawal selia yang diperkemarkan.

**Penjana Kapital:** Merujuk inisiatif atau entiti Kerajaan yang mungkin terlibat dalam pembangunan bakat dan program pelaburan di Malaysia.

**Pengecualian Cukai:** Polisi yang mengurangkan atau menghapuskan liabiliti cukai untuk entiti yang layak di bawah syarat tertentu.

**Pentadbir Dana:** Profesional atau firma yang mengendalikan operasi dan pentadbiran harian dana, termasuk laporan kewangan dan komunikasi pelabur.

**Peringkat Awal:** Peringkat pembiayaan (Siri A) untuk perniagaan dengan produk atau perkhidmatan asas yang mempunyai beberapa bukti kesesuaian produk di pasaran, yang melibatkan Pemodal Teroka dan pelabur budiman.

**Peringkat Benih (Seed Stage):** Fasa awal pembiayaan syarikat pemula yang memfokuskan kepada pembangunan produk dan pembinaan pasukan, terutamanya yang dibiayai oleh pelabur budiman, pemecut, keluarga serta rakan.

**Peringkat Pertumbuhan:** Peringkat pembiayaan kemudian (Siri B dan C), di mana syarikat mengembangkan segmen pasaran, meningkatkan model perniagaan dan bersedia untuk pengembangan antarabangsa, melibatkan jumlah yang lebih besar dan pelbagai pelabur, termasuk ekuiti persendirian dan bank pelaburan.

**Platform Ekuiti Pendanaan Awam:** Platform dalam talian yang membolehkan syarikat pemula dan perniagaan memperoleh modal dengan menjual ekuiti kepada ramai pelabur, mendemokrasikan peluang pelaburan.

**Program Pendidikan Berkaitan VC:** Kursus atau ijazah akademik yang khusus disesuaikan dengan kajian dan amalan modal teroka dan pengurusan pelaburan.

# Glosari Terma

**Program Pembangunan Bakat:** Inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam sektor tertentu, yang mungkin juga dikaitkan dengan kelayakan visa.

**Program Pembangunan Bakat VC:** Inisiatif pendidikan atau latihan yang direka untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan profesional dalam industri modal teroka.

**Program Pembiayaan Nasional:** Inisiatif kerajaan untuk memupuk inovasi dan pertumbuhan, menyediakan sokongan kewangan dan sumber untuk mengembangkan perniagaan yang dipacu teknologi ke seluruh dunia.

**Rangka Kerja Cukai Insentif:** Dasar khusus yang direka untuk menyediakan faedah cukai kepada perniagaan, yang dalam konteks ini, berbeza antara entiti dalam dan luar pesisir.

**Rangka Kerja Undang-Undang Dalam Pesisir:** Set undang-undang dan peraturan yang digunakan untuk perniagaan yang beroperasi dalam sempadan domestik Malaysia.

**Rangka Kerja Undang-undang Luar Pesisir:** Set undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada perniagaan yang ditubuhkan dalam bidang kuasa di luar tanah besar Malaysia, selalunya dengan sistem cukai yang berbeza.

**Siri A/B/C:** Pusingan pembiayaan modal teroka yang bertujuan untuk peringkat pertumbuhan syarikat yang berbeza, daripada pelaksanaan model perniagaan awal (Siri A) kepada operasi skala (Siri C).

**Skim Padanan Dana untuk Dana:** Strategi pelaburan khusus di mana dana Kerajaan digunakan untuk memadankan pelaburan swasta, dengan itu meningkatkan jumlah modal yang tersedia untuk syarikat pemula.

**Skim Visa:** Program Rasmi Kerajaan yang menentukan kriteria dan proses untuk individu asing menetap dalam negara, lazimnya untuk tujuan kerja atau pelaburan.

**Strategi Keluar:** Fasa yang pelabur merancang keluar dari syarikat, biasanya melalui IPO atau pengambilalihan, untuk merealisasikan pulangan pelaburan.

**Struktur Perkongsian Terhad (LP):** Satu bentuk perkongsian perniagaan di mana sesetengah pemilik adalah rakan kongsi terhad, tidak bertanggungjawab ke atas hutang dan liabiliti melebihi jumlah pelaburan mereka.

**Syarikat Pengurusan Modal Teroka:** Entiti kewangan khusus yang mengumpulkan dana daripada pelbagai pelabur untuk melabur dalam syarikat pemula dan perniagaan kecil dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.

**VC Profesional:** Individu yang bekerja dalam sektor modal teroka, termasuk peranan daripada penganalisis muda sehingga rakan kongsi kanan.

**20 Ekosistem Syarikat Pemula Global Teratas:** Kedudukan atau aspirasi untuk rantau diiktiraf menjadi antara persekitaran global terkemuka yang menyokong pertumbuhan dan inovasi syarikat pemula.

**Pelan  
Hala Tuju  
Modal Teroka  
Malaysia**  
2024-2030



[www.mosti.gov.my](http://www.mosti.gov.my)